



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN**

NAMA KURSUS : BAHASA KEBANGSAN A
KOD KURSUS : MPU2213
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (50 Markah)
2. Calon dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku internet atau mana-mana sumber yang berkaitan.
3. Jawab **semua** soalan dari Bahagian A serta B dan **satu** soalan dari Bahagian C pada kertas bersaiz A4 atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkenaan.
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri pada setiap helaian kertas jawapan.
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **dua puluh (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Yang berikut ialah penanda wacana **kecuali**
 - A oleh itu.
 - B selain itu.
 - C manakala.
 - D walau bagaimanapun.

2. Pilih rujukan hormat yang salah penggunaannya.
 - A Yang Berusaha Tuan Guru Besar.
 - B Yang dihormati Datuk Ali Haji Ahmad.
 - C Yang Berhormat Datuk Seri Noraini Ahmad.
 - D Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Soalan 3 berdasarkan **Pernyataan 1** di bawah

Alina resah. Perasaannya berdebar-debar. Ibu masih belum pulang lagi. Adik pula telah lama dibuai mimpi.

Pernyataan 1

3. **Pernyataan 1** di atas merujuk kepada laras bahasa
 - A iklan.
 - B agama.
 - C sastera.
 - D ekonomi.

4. Laras bahasa yang berbeza-beza digunakan oleh pengguna bahasa menggambarkan
 - A perbezaan pendapat.
 - B perbezaan taraf hidup.
 - C perbezaan taraf pendidikan.
 - D perbezaan taraf sosio budaya.

5. Antara yang berikut, yang manakah menepati ciri-ciri laras iklan?
- A Budi bahasa amalan mulia.
 - B Perkhidmatan terbaik kami sediakan.
 - C Keunggulan produk Syarikat Maya tersiar di akhbar tempatan.
 - D Ruang perniagaan di bangunan itu telah dibuka untuk tempahan.
6. Kesantunan berbahasa dapat dinilai berdasarkan perkara yang berikut **kecuali**
- A intonasi dalam pertuturan.
 - B penggunaan bentuk sapaan.
 - C kegramatisan ayat dalam percakapan.
 - D pemilihan kata ganti nama diri orang pertama.
7. Ayat manakah yang berikut merupakan ayat silaan?
- A Jemput makan semua.
 - B Tolong hantar buku ini ke bilik guru.
 - C Jangan pergi ke kawasan yang berbahaya itu.
 - D Anda semua diminta berdiri ketika lagu Negaraku dinyanyikan.
8. Yang manakah ayat yang **betul** tanda bacanya?
- A dia ialah guru.
 - B Aduh! Sakitnya kaki aku.
 - C Ali dan ah Kow pergi ke perpustakaan?
 - D Mengapakah Ali dan Ahmad tidak hadir ke kelas semalam?
9. “Ngapa kau tak berniaga sahaja?” Bahasa tak formal ini dapat diubah kepada bentuk formal seperti berikut.
- A “Kenapa kau tak berniaga sahaja?”
 - B “Ngapa awak tak berniaga sahaja?”
 - C “Mengapakah kau tidak berniaga sahaja?”
 - D “Mengapakah awak tidak berniaga sahaja?”
10. Yang manakah ayat suruhan?
- A Mari kita pergi sekarang.
 - B Sudilah menjamah juadah ini.
 - C Tuan dilarang merokok di sini.
 - D Berfikirlah semasak-masaknya.

11. Mandi-manda, gunung-ganang, dan serbah-serbih adalah antara contoh penggandaan berentak
- A bebas.
 - B pengulangan vokal.
 - C pengulangan konsonan.
 - D pengulangan vokal dan konsonan.
12. Pilih golongan kata yang **betul** bagi perkataan Proton Saga, Bangunan Daya Bumi dan Bank Simpanan Nasional.
- A Kata nama am konkrit.
 - B Kata nama am abstrak.
 - C Kata nama khas hidup.
 - D Kata nama khas tak hidup.
13. Pilih ayat tak transitif yang mengandungi unsur keterangan yang boleh digugurkan.
- A Adik menangis teresak-esak.
 - B Dian tidur berbumbungkan langit.
 - C Keadaan bapanya bertambah tenat.
 - D Dia tinggal di Kampung Johor Lama.
14. Yang manakah ayat susunan biasa?
- A Kematian anak bongsu wanita itu.
 - B Memang berkunci pintu rumahnya sejak tadi.
 - C Semalam remaja yang merempit itu kena saman.
 - D Hasrat ibu untuk melihat kejayaan adik tertunai juga.
15. Di antara ayat-ayat yang berikut, yang manakah ayat majmuk gabungan?
- A Ibu itu berdoa supaya anak-anaknya sentiasa selamat.
 - B Fatimah tidak hadir ke majlis itu kerana dia kurang sihat.
 - C Budak perempuan yang berbaju merah itu ialah sepupu saya.
 - D Saya membaca buku di dalam bilik manakala adik menonton televisyen.
16. Pilih ayat yang tidak boleh dipasifkan.
- A Sesiapa sahaja boleh memasuki kawasan itu pada bila-bila masa.
 - B Pemuda bermata keranjang itu mempermainkan perasaan tunangnya.
 - C Dia memberanikan diri untuk bertanya kepada ibunya tentang perkara itu.
 - D Doktor pakar itu akan menjalankan pembedahan terhadap pesakit tersebut.

17. Ayat yang manakah menggunakan kata sendi nama dengan **betul**?
- A Ayah memberi hadiah itu pada Ali.
 - B Perkara itu penting di kalangan pelajar.
 - C Guru harus bertindak bijaksana dalam perkara ini.
 - D Demi untuk mencapai kejayaan, mereka sanggup berkorban tenaga.
18. Kata yang terhasil daripada proses menggandingkan imbuhan pada kata dasar dikenali sebagai
- A kata ganda.
 - B kata majmuk.
 - C kata terbitan.
 - D kata akronim.
19. Yang manakah ayat majmuk pancangan relatif?
- A Demi adik-adiknya, dia sanggup bekerja lebih masa.
 - B Pemuda yang sedang bermain bola itu ialah abang saya.
 - C Dahlan tidak hadir ke sekolah selama dua hari kerana dia sakit perut.
 - D Walaupun dia miskin tetapi dia berusaha untuk belajar bersungguh-sungguh.
20. Perkataan yang berikut ini boleh digandakan dengan penggandaan penuh serta penggandaan separa **kecuali**
- A laki.
 - B siku.
 - C kuda.
 - D guru.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **SATU** soalan karangan berpandu gambar.

Tulis sebuah karangan berdasarkan gambar di bawah. Panjang karangan anda tidak lebih daripada 200 patah perkataan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.



[30 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** soalan berbentuk esei.

Jawab **satu** soalan sahaja. Panjang esei anda adalah tidak kurang daripada 300 patah perkataan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

1. Kelab Bahasa dan Budaya Kolej Bersatu telah mengadakan mesyuarat bagi menjalankan program memartabatkan bahasa dan budaya Melayu di kolej tersebut. Anda merupakan setiausaha kelab berkenaan. Anda dikehendaki menulis minit mesyuarat tersebut berpandukan agenda mesyuarat yang berikut:
 - a. Ucapan aluan pengerusi
 - b. Pengesahan minit mesyuarat yang lalu
 - c. Pembentukan ahli jawatankuasa
 - d. Aktiviti yang akan dilaksanakan
 - e. Hal-hal lain
 - f. Penutup

Tulis minit mesyuarat tersebut dengan lengkap.

2. Anda merupakan seorang penulis amatir. Anda ingin menulis sebuah rencana untuk dimuatkan di dalam halaman rencana penulis disalah sebuah akhbar tempatan. Tulis rencana anda yang bertajuk "Kemahiran Menggunakan Teknologi: Satu Keperluan Dalam Kerjaya".

[50 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

